

23 SEP 2000

Mahathir-Keselamatan

KERAJAAN TIDAK BIARKAN PASUKAN KESELAMATAN DIHASUT, KATA DR MAHATHIR

BUTTERWORTH, 22 Sept (Bernama) -- Kerajaan tidak akan membiarkan sesiapa menghasut pasukan keselamatan supaya tidak setia kepada kerajaan, raja dan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menyifatkan usaha itu sebagai mengkhianati negara.

"Ada usaha setengah pihak menghasut tentera supaya tidak patuh arahan kerajaan dan tidak setia kepada kerajaan, raja dan negara," katanya pada majlis Perdana Menteri Bersama Rakyat di Wisma Perwira, Pengkalan TUDM, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata tindakan menghasut itu adalah sebagai cubaan mengkhinati amanah yang diletakkan pada pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

Bagaimanapun, katanya, cuma segelintir kecil sahaja anggota pasukan keselamatan yang tidak setia kepada kerajaan.

Kumpulan Al Ma'unah sebagai contoh, katanya, berjaya menghasut pegawai tentera melakukan sesuatu yang menjurus kepada ketidaksetiaan kepada kerajaan, raja dan negara.

"Kalau anggota pasukan keselamatan sendiri pula yang menghasut dan kurang setia, mereka akan menjadi ancaman besar kepada negara dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata pasukan keselamatan yang setia kepada kerajaan, raja dan negara perlu untuk menjamin keselamatan dan keamanan negara dan seterusnya boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau berkata pengalaman di negara lain menunjukkan pasukan keselamatan yang tidak setia kepada kerajaan, raja dan negara boleh mencetuskan huru-hara.

"Di negara lain, ada tentera yang menyokong sesuatu pihak sehingga berlakunya perang saudara," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga menyentuh mengenai kegagalan kerajaan PAS di dalam menyediakan kemudahan asas seperti air kepada rakyat dan membangunkan Kelantan kerana tidak cekap memerintah.

Beliau menegur PAS kerana menggunakan agama untuk menipu serta memecahbelahkan rakyat.

Turut hadir ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

-- BERNAMA

JM AKD